



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Rujukan Kami : IPK.Sel.BK.100/1/9/4Jld.25 (82)

Tarikh : 20 September 2019

**Encik Ismail Bin Che Ani**

Ketua Penolong Setiausaha (KPSU)  
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 2, Bangunan SSAAS  
40000 Shah Alam

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI KESELAMATAN ICT (ICTSO) PEJABAT  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor bersetuju melantik tuan sebagai **ICTSO Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**. Dilampirkan bersama surat ini adalah Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk rujukan dan panduan.

3. Pentadbiran ini merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada tuan atas pelantikan ini.

Sekian. Terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA "**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**  
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

Tel.: 03-5514 2134 (Terus), 03-5544 7042/7043/7045/7520 Faks: 03-5510 3062

**Edaran Dalaman:**

- Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
  
- Ketua Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
  
- Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Lampiran

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**  
**PEGAWAI KESELAMATAN ICT (ICTSO)**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR:**

1. Memastikan semua infrastruktur keselamatan ICT Negeri Selangor menepati prinsip-prinsip keselamatan berpandukan Rangka Dasar Keselamatan ICT dan Arahan Keselamatan Kerajaan;
2. Menyedia dan mengkaji semula dokumen infrastruktur keselamatan ICT Negeri Selangor bagi tujuan audit keselamatan ICT;
3. Mengenal pasti bidang-bidang keselamatan ICT Negeri Selangor yang perlu diberikan perhatian rapi;
4. Memastikan tahap keselamatan ICT Negeri Selangor adalah terjamin setiap masa;
5. Memastikan semua warga Negeri Selangor memahami keperluan standard, garis panduan dan prosedur keselamatan di bawah Rangka Dasar Keselamatan ICT Kerajaan;
6. Menjalankan penilaian risiko dan program-program keselamatan ICT di Negeri Selangor;
7. Mewujudkan pelan tindakan bagi mengurus risiko akibat dari ketidak patuhan kepada standard, garis panduan dan prosedur keselamatan ICT di Negeri Selangor;
8. Melaporkan kepada GCERT Negeri Selangor mengenai sebarang insiden keselamatan ICT yang berlaku di Negeri Selangor;
9. Membantu dalam membangunkan standard, garis panduan dan prosedur untuk aplikasi, sistem dan infrastruktur ICT di Negeri Selangor bagi mematuhi keperluan Dasar Keselamatan ICT Kerajaan;

10. Mewujudkan program-program bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan pembudayaan mengenai teknologi dan mekanisme kawalan maklumat dan aset ICT, ancaman-ancaman siber dan peranan dan tanggungjawab pengguna dalam mengendalikan kemudahan ICT di Negeri Selangor;
11. Menyebar dan menyalurkan amaran awal terhadap ancaman-ancaman yang berpotensi menyebabkan kerosakan besar kepada aset ICT Negeri Selangor; dan
12. Mengurus keseluruhan program-program keselamatan ICT di Negeri Selangor.